

Siaran Media

MDEC TERIMA DANA RM20 JUTA UNTUK MENAIK TARAF HAB E-DAGANG

- Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Interim, Tun Dr Mahathir Mohamad, MDEC terima dana sebanyak RM20 juta.
- Pakej yang diperkenalkan kerajaan untuk mengurangkan impak kelembapan ekonomi negara akibat wabak Covic 19 itu bernilai RM20 bilion

CYBERJAYA, 27 FEBRUARI 2020 – Perdana Menteri Interim, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) akan menerima dana sebanyak RM20 juta menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan hari ini.

Peruntukan berkenaan jelas Tun Dr Mahathir khusus untuk memperkasakan inisiatif e-dagang Setempat

(PEDAS) yang telah dilaksanakan kerajaan pada hujung 2018.

Berdasarkan pengumuman , Tun Dr Mahathir berkata, peruntukan itu adalah bagi menaik taraf pusat internet desa menjadi hub e-dagang.

“ Pakej rangsangan bernilai RM20 bilion ini ditunjangi oleh tiga strategi iaitu menangani impak ekonomi, memangkin pertumbuhan berterusan berteraskan rakyat dan menggalakkan pelaburan berkualiti,” katanya dalam pengumuman yang disiarkan secara langsung petang ini.

MDEC berpendapat peruntukan untuk menaik taraf pusat internet desa membuktikan sektor e-dagang mampu memberi sumbangan

kepada negara terutamanya meningkatkan ekonomi setempat ketika Malaysia berdepan kelembapan ekonomi ekoran penularan wabak berkenaan.

Sejak dilancarkan, PEDAS kini mempunyai 12 hab di seluruh negara antaranya di Tanjung Malim (Perak),

Tanjung Kling (Melaka), Kuala Nerang (Kedah), Balik Pulau (Pulau Pinang), Kuala Kurau (Perak), Sungai Koyan (Pahang), Sungai Mati dan Pagoh (Johor), Kota (Negeri Sembilan) dan Beranang (Selangor) selain 10 hab baharu dijangka akan dibuka pada tahun ini.

MDEC yakin pusat internet desa yang dinaik taraf kelak akan memudahkan peserta untuk memasarkan produk mereka secara dalam talian seterusnya meluaskan segmen pasaran baharu.

MDEC pada masa sama mengalokasikan peruntukkan RM50 juta untuk subsidi pembiayaan kursus jangka pendek dalam bidang digital dan berkemahiran tinggi yang dijangka akan memanfaatkan 100,000 rakyat.

“ MDEC turut menyahut baik pemberian geran bernilai RM1,000 kepada 10,000 usahawan tempatan yang menjual produk barangan mereka dalam platform e-dagang.

“ Pada masa sama, pemberian baucar digital bagi pelancongan domestik bernilai RM100 seorang untuk sektor pelancongan juga dijangka akan membangunkan ekonomi digital berasaskan pelancongan,” jelas kenyataan berkenaan.

Kesemua peruntukan berkaitan ekonomi digital selaras dengan tiga teras MDEC iaitu pendigitalan perniagaan, pendigitalan rakyat Malaysia dan pelabur digital.

-TAMAT-

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)



Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia atau Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif-inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

#BinaBersama #MemacuEkonomiDigitalMalaysia

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari www.mdec.my atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec